



**GARIS PANDUAN
BORANG PENGESAHAN PEMASTAUTIN
OLEH PENGHULU PEJABAT DAERAH / TANAH DALAM NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

1. Tujuan

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan kepada pemohon dan pegawai yang berkecualan mengesahkan borang pengesahan status “Pemastautin Anak Selangor” dengan lengkap, tepat dan teratur untuk urusan rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

2. Definisi Pemastautin Anak Selangor

Seseorang boleh dianggap sebagai Pemastautin Anak Selangor sekiranya memenuhi salah satu kriteria berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Telah menetap di Selangor dalam tempoh 15 tahun ke atas; dan
- iii. Bersekolah atau bekerja di Selangor dalam tempoh tersebut serta mempunyai bukti alamat tetap di negeri ini.

3. Panduan Mengisi Borang

Sekiranya pemohon pernah / telah menetap **lebih dari satu (1) mukim** di negeri Selangor, pemohon perlu mengisi ruangan yang ditetapkan dan hendaklah mendapatkan pengesahan borang **mengikut Penghulu Mukim** seperti ruangan yang disediakan.



**GARIS PANDUAN
BORANG PENGESAHAN PEMASTAUTIN
OLEH PENGHULU PEJABAT DAERAH / TANAH DALAM NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

Bahagian A – Maklumat Pemohon

Isi maklumat peribadi dengan lengkap:

- Nama penuh seperti dalam Kad Pengenalan
- Nombor Kad Pengenalan
- Tarikh lahir
- Tempat lahir
- Jantina
- Nombor telefon
- Alamat seperti dalam Kad Pengenalan
- Alamat tempat tinggal sekarang
- Tempoh menetap di Mukim dan di negeri Selangor (tahun dan bulan)

Tanggungjawab Penghulu yang mengesahkan taraf pemastautin :

- i. Penghulu berhak menjalankan temu bual dengan pemohon bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan benar serta membuat semakan dengan teliti berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.
- ii. Hanya mengesahkan pemohon yang bermastautin di mukim di bawah tanggungjawab Penghulu.
- iii. Memastikan pemohon membawa bersama dokumen yang membuktikan taraf bermastautin seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.



**GARIS PANDUAN
BORANG PENGESAHAN PEMASTAUTIN
OLEH PENGHULU PEJABAT DAERAH / TANAH DALAM NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

- iv. Sekiranya pemohon bermastautin lebih daripada satu (1) mukim dalam tempoh lima belas (15) tahun, pengesahan perlu ditandatangani mengikut penghulu mukim tempat pemohon bermastautin dalam tempoh tersebut.

Lampirkan bukti alamat berdasarkan dokumen berkaitan yang membuktikan pengesahan kediaman seperti salinan hak milik tanah, perjanjian jual beli, perjanjian sewa, salinan cukai taksiran, salinan cukai tanah, bil utiliti terkini, sijil berhenti sekolah rendah dan menengah atau apa-apa dokumen berkaitan yang boleh membuktikan taraf pemastautin seseorang.

Tandatangan Pemohon

Pemohon hendaklah:

- Membaca pengakuan dengan teliti
- Menandatangani borang
- Menulis tarikh permohonan

Pemalsuan maklumat boleh menyebabkan permohonan ditolak dan sekiranya pemohon telah diterima sebagai penjawat awam negeri Selangor, pihak Suruhanjaya boleh membatalkan pelantikan tersebut pada bila-bila masa.



**GARIS PANDUAN
BORANG PENGESAHAN PEMASTAUTIN
OLEH PENGHULU PEJABAT DAERAH / TANAH DALAM NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

Bahagian B – Perakuan Pengesahan Pemastautin Oleh Penghulu

(Pengesahan daripada Penghulu Mukim masing-masing mengikut
alamat pemohon)

Nyatakan:

- Tahun dan bulan mula menetap di Mukim tersebut
- Ditandatangani dan dicop rasmi oleh Penghulu Pejabat Daerah / Tanah dalam Negeri Selangor Darul Ehsan

Sertakan dokumen sokongan yang berkaitan.

4. Semakan Sebelum Penghantaran

Pastikan:

- ☒ Semua ruangan diisi
- ☒ Dokumen sokongan lengkap
- ☒ Salinan dokumen jelas dan boleh dibaca
- ☒ Borang ditandatangani
- ☒ Maklumat adalah terkini dan tepat